

## **Kementerian Pengangkutan belum terima permohonan daripada Rayani Air**

---

**KUALA LUMPUR** - Kementerian Pengangkutan tidak menerima sebarang permohonan daripada syarikat penerbangan, Rayani Air untuk kembali beroperasi. Menterinya, Anthony Loke Siew Fook berkata, syarikat tersebut perlu mematuhi syarat operasi jika berhasrat menyambung semula perkhidmatan penerbangan komersil. "Saya tak sedar atau dimaklumkan berkaitan permohonan itu, namun jika benar syarikat itu mahu beroperasi, mereka perlu mendapatkan kelulusan daripada Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (Mavcom) dan Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM). "Selagi tidak dapat kelulusan daripada dua agensi ini, (Rayani Air) tidak boleh beroperasi. Setakat ini status mereka saya tidak tahu," katanya mengulas kenyataan bekas Ketua Pegawai Eksekutif Rayani Air, Ravi Alagendrran bahawa syarikat itu akan beroperasi kembali tahun ini.

---

**SUMBER: SINAR HARIAN | M/S: 18 | 7 JANUARI 2020**